

Adakah Wujudnya Satu Kelas Kapitalis Dalam Masyarakat Melayu  
Tradisional?

Oleh  
Liew Peng Wai

Penyelia  
Dr. Cheah Boon Kheng.

Mini-Thesis Ini Disediakan  
Sebagai Sebahagian Daripada Keperluan  
Untuk Memenuhi Syarat-Syarat Ijazah  
Sarjana Muda Sastera Dengan Kepujian  
Universiti Sains Malaysia.

Universiti Sains Malaysia,  
Pulau Pinang, 1988/1989.

KANDUNGAN

PRAKATA	.. .. .	i-ii
PENDAHULUAN	.. .. .	iii-vi
NOTAKAKI	.. .. .	vii
BAB 1	.. .. .	1-13
NOTAKAKI	.. .. .	14-16
BAB 2	.. .. .	17-34
NOTAKAKI	.. .. .	35-37
KESIMPULAN	.. .. .	38-41
NOTAKAKI	.. .. .	42
BIBLIOGRAFI	.. .. .	43-44
LAMPIRAN 1	.. .. .	45
LAMPIRAN 2	.. .. .	46
LAMPIRAN 3	.. .. .	47

## Prakata

Saya memilih tajuk ini sebagai kajian memandangkan bahawa setakat ini tidak ada penyelidikan yang mendalam dilakukan keatasnya. Tajuk ini adalah menarik memandangkan kepada hakikat bahawa dalam masyarakat Melayu tradisional telah wujudnya pelabuhan dan pusat perdagangan yang terkenal seperti Melaka dan Riau. Melaka telah mencapai kemuncak kemasyhurannya sebagai sebuah pelabuhan dan pusat perdagangan pada abad ke 15. Kewujudan Melaka dan Riau sebagai pelabuhan dan pusat perdagangan yang terkenal telah membuktikan kepada kita bahawa aktiviti perdagangan telahpun mendapat perhatian yang serius daripada masyarakat Melayu tradisional. Pelabuhan Melaka pada ketika itu telah dikunjungi oleh saudagar-saudagar dari segenap pelosok dunia seperti dari China, India, Arab, Parsi dan tidak ketinggalan saudagar tempatan dari pendalaman Melaka yang membawa hasil pengeluaran mereka untuk ditukarkan dengan saudagar-saudagar asing ini. Sebenarnya kemunculan Melaka sebagai sebuah pelabuhan dan pusat perdagangan yang terkenal sebahagian besarnya di sebabkan oleh kedudukannya yang strategik sehingga ia menjadi tempat pertemuan saudagar-saudagar dari segenap pelosok dunia. Kehadiran saudagar-saudagar dari segenap pelosok dunia ini dapat di buktikan dengan kewujudan perkampungan-perkampungan yang diduduki oleh kumpulan-kumpulan saudagar yang berlainan ini berdasarkan kepada negeri asal mereka. Misalnya di Melaka pada ketika itu telah wujud perkampungan orang China, India, Arab dan lain-lain lagi. Tiap-tiap kumpulan saudagar ini mempunyai ketua mereka sendiri untuk menjaga kepentingan dan kebajikan kumpulan masing-masing. Walaupun aktiviti perdagangan penting

dalam masyarakat Melayu tradisional tetapi satu hakikat yang harus kita akui adalah tidak wujudnya satu kelas kapitalis dalam masyarakat Melayu tradisional. Pada umumnya konsep kapitalis ini membawa kepada pengertian kewujudan satu golongan yang menjalankan aktiviti perdagangan dengan matlamat untuk mendapatkan keuntungan. Melalui keuntungan ini mereka dapat mempengaruhi golongan pemerintah. Dalam konteks masyarakat Melayu tradisional golongan pemerintah yang di maksudkan adalah terdiri daripada golongan pembesar-pembesar tempatan seperti bendahara, syahbandar, temenggung, dan seterusnya kepada teraju pemerintah yang tertinggi iaitu Sultan. Jadi penyelidikan ini adalah bertujuan untuk mencari dan mengenalpasti faktor-faktor yang menyebabkan keadaan ini berlaku. Antara faktor-faktor yang akan di kemukakan meliputi aspek-aspek sosial-ekonomi, politik, agama dan juga struktur masyarakat yang wujud pada ketika itu. Usaha akan di buat untuk mengkaji setiap satu daripada faktor-faktor ini dan akhir satu penyelesaian akan di buat berhubung dengan persoalan. Di harapkan penyelesaian yang akan di kemukakan akan dapat menjawab segala kemusyilan yang wujud. Begitulah antara beberapa persoalan yang cuba di jawab oleh kertas penyelidikan ini.

Di sini saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Dr. Cheah dari Bahagian Sejarah, Pusat Pengajian Kemanusiaan atas kesudiannya untuk membaca draf awal kertas penyelidikan ini serta nasihat dan bimbingan yang telah diberikan olehnya.

## Pengenalan

Memang tidak dapat dinafikan bahawa pelayaran merupakan satu aspek yang penting dalam masyarakat Melayu tradisional. Pelayaran telah lama menjadi penghubung yang penting di antara masyarakat di segenap pelosok dunia ini baik untuk tujuan diplomasi mahupun untuk tujuan perdagangan. Dalam konteks perdagangan pelayaran telah menyediakan satu perantaraan komunikasi yang penting kepada saudagar-saudagar dari seluruh dunia untuk berhubung dan menjalankan aktiviti perdagangan mereka. Contohnya melalui jalan laut ini China berjaya mengadakan perhubungan dengan India,<sup>1</sup> dan juga bahagian utara dan barat Indonesia dengan India. Melalui pelayaran ini juga agama Islam telah berjaya berkembang ke segenap pelosok dunia. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan melalui jalan laut ini telah mengakibatkan kewujudan pelabuhan dan pusat perdagangan baik di Eropah mahupun di rantau Asia Tenggara. Di Eropah kita dapati bahawa Venice di Itali telah berjaya muncul sebagai sebuah pusat perdagangan yang terpenting. Sebaliknya dalam konteks Asia Tenggara pula kita dapati bahawa Melaka telah berjaya muncul sebagai sebuah pelabuhan dan pusat perdagangan yang terpenting terutama pada abad ke 15. Melaka pada tahap kemuncak perkembangannya sebagai sebuah pelabuhan dan pusat perdagangan telah dikunjungi oleh saudagar-saudagar dari segenap pelosok dunia antaranya termasuk saudagar-saudagar dari China, Gujerat, Arab dan juga saudagar-saudagar dari kawasan pendalaman Melaka. Raja-raja dari Pahang, Kampar dan Indragiri yang terletak di bawah penguasaan Melaka turut melibatkan diri mereka dalam aktiviti-aktiviti perdagangan di Melaka.<sup>2</sup> Kesibukkan

Melaka pada ketika itu adalah jelas daripada gambaran yang di berikan oleh teks Sejarah Melayu,

Adapun zaman itu negeri Melaka terlalu ramainya, segala dagangan pun berkampung. Maka dari Air Leleh datang ke Kuala Muar pasar tiada berputusan lagi, dari Kampung Keling datang ke Kuala Penajuh itupun tiada berputusan. Jika orang Melaka datang ke Jugra tiada membawa api lagi, barang di mana berhenti di sana adalah rumah orang. Dari sebelah sini hingga datang ke Batu Pahat demikian juga, kerana masa itu rakyat Melaka sembilanbelas laksa banyaknya yang di dalam negeri juga.<sup>3</sup>

Begitulah kedudukan yang wujud di Melaka pada masa itu. Malahan Roelofsz berpendapat bahawa kemakmuran Melaka adalah sangat bergantung kepada aktiviti perdagangan ini<sup>4</sup>. Ini dapat di buktikan dengan kemunculan badan kerajaan dan satu sistem perundangan yang baik yang bertujuan untuk menjaga kepentingan dan kestabilan di Melaka. Di samping itu kemudahan infrastruktur seperti gudang telah disediakan untuk tujuan menyimpan barang perdagangan. Dalam ertikata lain aktiviti perdagangan merupakan nadi kepada kemakmuran Melaka. Keadaan yang sama wujud di Riau dimana kita dapati bahawa aktiviti perdagangan sedang berkembang pesat. Misalnya teks Tuhfat al-Nafis telah memberikan satu gambaran yang jelas mengenai kedudukan aktiviti perdagangan di Riau,

Maka negeri Riau pun ramai-lah dan segala perahu-perahu dagang pun datang-lah dari pihak barat dan timor, dan wangkang-wangkang pun masok-lah beniaga berlawanan dengan dagang-dagang yang dari sebelah timor itu<sup>5</sup>.